



Rujukan : UKM BEN 100-1/3/3

Tarikh : 8 Februari 2020

PEKELILING BENDAHARI BIL. 5/2020

Dekan/ Pengarah/ Ketua/ Pengetua
Fakulti/ Institut/ Pusat/ Jabatan/ Kolej Kediaman
Universiti Kebangsaan Malaysia

Y.Bhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

SYARAT PELANTIKAN SYARIKAT/KONTRAKTOR DALAM PEROLEHAN KERJA

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

Sukacita dimaklumkan bahawa pekeliling berkaitan dengan syarat pelantikan syarikat/kontraktor dalam perolehan kerja untuk panduan dan rujukan Pusat Tanggungjawab (PTJ) seperti di lampiran ini. Untuk makluman Y.Bhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan, pekeliling ini berkuatkuasa mulai **1 Mac 2020**. Sehubungan dengan itu, sukacita sekiranya pekeliling ini dapat disampaikan kepada semua pegawai dan kakitangan seliaan.

Kerjasama YBhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"Akauntabiliti Pegangan Kita"

Yang benar,

NORINI MOHAMAD

Bendahari

Universiti Kebangsaan Malaysia

- s.k
- Naib Canselor, UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan & Inovasi), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik & Antarabangsa), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar & Alumni), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Jaringan Industri & Masyarakat), UKM
 - Pro Naib Canselor (Strategi dan Pembangunan Korporat)
 - Pro Naib Canselor (Penjanaan dan Prasarana)
 - Pro Naib Canselor (Kampus Kuala Lumpur)
 - Pendaftar, UKM



Jabatan Bendahari

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Telefon: +603-8921 3000 Faksimili: +603-8921 3058 E-mel: bndahari@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/bendahari>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*



www.ukm.my



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
The National University of Malaysia

PEKELILING BENDAHARI BIL. 5/2020

**SYARAT PELANTIKAN SYARIKAT/KONTRAKTOR
DALAM PEROLEHAN KERJA**

TUJUAN

1. Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan syarat pelantikan syarikat/kontraktor dalam perolehan kerja selaras dengan peraturan perolehan yang sedang berkuat kuasa.

LATAR BELAKANG

2. Sejalan dengan peraturan perolehan yang telah dikuatkuasakan melalui Pekeliling Bendahari Bil. 12/2019 Garis Panduan Perolehan UKM, Universiti menambahbaik peraturan berkaitan syarat pelantikan syarikat/kontraktor dalam perolehan kerja dan perkhidmatan penyelenggaraan bagi memastikan lantikan yang dibuat bertepatan dengan peraturan yang ditetapkan.

PELAKSANAAN

3. **Syarat kelayakan Syarikat/Kontraktor**

Syarikat/kontraktor yang berhasrat untuk memberi perkhidmatan kepada UKM perlu memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan seperti berikut;

3.1. Berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) berdasarkan gred dan kelayakan seperti di dalam jadual ini;

Gred	Had Nilai Perolehan Kerja (RM)	Daerah / Negeri
G1	200,000.00 dan ke bawah	Daerah berkenaan
G2	200,001.00 hingga 500,000.00	Negeri berkenaan

Gred	Had Nilai Perolehan Kerja (RM)	Daerah / Negeri
G3	500,001.00 hingga 1,000,000.00	Negeri berkenaan/ Seluruh Malaysia jika mempunyai Sijil Taraf Bumiputera (STB).
G4	1,000,001.00 hingga 3,000,000.00	Di seluruh negara
G5	3,000,001.00 hingga 5,000,000.00	Di seluruh negara
G6	5,000,001.00 hingga 10,000,000.00	Di seluruh negara
G7	Melebihi RM10,000,000.00	Di seluruh negara

- 3.2. Memiliki Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera (STB)
- 3.3. Memiliki Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan

4. Pemilihan dan pelantikan syarikat/kontraktor

4.1. Pemilihan dan pelantikan syarikat/kontraktor hendaklah dibuat mengikut nilai serta jenis kerja dan perkhidmatan dengan memastikan tatacara perolehan yang sedang berkuat kuasa dipatuhi seperti berikut:

4.1.1. Kerja Awam dan Mekanikal

Kerja-kerja yang bernilai **tidak melebihi RM20,000** boleh dibuat secara lantikan terus di kalangan kontraktor **Gred G1** yang berdaftar dengan CIDB di daerah berkenaan serta mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera (STB). Perbandingan harga pasaran hendaklah dibuat di kalangan kontraktor yang layak dengan mendapatkan sekurang-kurangnya 3 sebut harga.

4.1.2. Kerja Elektrik

- i. Kerja-kerja yang bernilai **tidak melebihi RM20,000** boleh dibuat di kalangan kontraktor yang berdaftar dengan CIDB serta mempunyai Sijil Kompeten PW4 seperti berikut:

Gred	Daerah/ Negeri
G1	Daerah berkenaan
G2	Negeri berkenaan
G3	Negeri berkenaan/ seluruh Malaysia jika mempunyai Sijil Taraf Bumiputera (STB)

- ii. Perbandingan harga pasaran hendaklah dibuat di kalangan kontraktor yang layak dengan mendapatkan sekurang-kurangnya 3 sebut harga. Namun begitu, keutamaan perlu diberikan kepada kontraktor G1/G2.

- 4.2. Semakan pendaftaran syarikat/kontraktor boleh dibuat di laman sesawang CIDB <https://cims.cidb.gov.my/smis/regcontractor/reglocalsearchcontractor.vbhtml>

PENGUATKUASAAN

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai **1 Mac 2020**.

Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama-sama Garis Panduan Perolehan UKM (Pindaan 1) yang dikeluarkan melalui Pekeliling Bendahari Bil. 12/2019 bertarikh 26 Disember 2019 dan Pekeliling Bendahari Bil. 4/2020 Pengesahan Kerja Dan Perkhidmatan Penyelenggaraan Bagi Perolehan Kerja.

Sebarang pertanyaan lanjut berkaitan dengan perkara ini boleh menghubungi Zon Kewangan 3, Jabatan Bendahari melalui talian 03-89215771/3498/5805 atau e-mel zonkewanganjpp@ukm.edu.my.

Sekian, terima kasih.

“Akauntabiliti Pegangan Kita”

Yang benar,



NORINI BINTI MOHAMAD

Bendahari

Universiti Kebangsaan Malaysia

- s.k
- Naib Canselor, UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan & Inovasi), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik & Antarabangsa), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar & Alumni), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Jaringan Industri & Masyarakat), UKM
 - Pro Naib Canselor (Penjanaan dan Prasarana)
 - Pro Naib Canselor (Strategi dan Pembangunan Korporat)
 - Pro Naib Canselor (Kampus Kuala Lumpur)
 - Pendaftar, UKM